



PENERIMA SARA mula menerima bantuan tanpa tunai yang dikreditkan automatik ke dalam MyKad mulai 1 April lalu. –Foto: Bernama

## Bantuan Sara bantu penerima rancang kewangan lebih bijak

KOTA BHARU: Kadar bantuan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) yang ditingkatkan dan diperluas kepada lebih ramai penerima memberi lebih ruang kepada penerima merencanakan kewangan masing-masing pascasambutan Hari Raya Aidilfitri.

Bagi Syed Syazwan Syed Zaki, 34, yang menerima bantuan RM100 buat pertama kali beliau memilih untuk tidak membelanjakannya untuk sambutan Aidilfitri tetapi menyimpannya terlebih dahulu untuk kegunaan yang lebih mendesak selepas perayaan.

“Lepas raya saya nak guna beli keperluan asas seperti beras, minyak masak dan gula.

“Saya juga bercadang nak guna bantuan bulan seterusnya untuk beli barang kebersihan, ubat-ubatan dan peralatan sekolah untuk anak-anak.

“Bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban sebagai ketua isi rumah terutama dalam menguruskan perbelanjaan harian dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu,” katanya.

Bantuan Sara sebanyak RM100 sebulan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bagi Januari hingga Mac tahun ini dan

kadar bantuan berkenaan ditingkatkan kepada RM200 sebulan bermula 1 April, membabitkan 5.4 juta penerima, peningkatan hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 penerima sedia ada.

Sementara itu bagi suri rumah Fatihah Aqilah Sabri, 31, bantuan Sara sebanyak RM100 sebulan yang diterimanya sejak Januari, juga disimpan untuk kegunaan selepas Aidilfitri.

Tinggal di Penambang, Kota Bharu bersama suami dan tiga anak Fatihah berkata wang itu amat membantu terutama dalam membeli keperluan anak bongsunya yang baru berusia setahun.

“Saya tak terus guna. Saya beringat nanti selepas raya saya nak beli susu dan lampin pakai buang untuk anak.

“Ini tahun kedua saya terima bantuan Sara. Walaupun tidak besar tapi cukup meringankan beban hidup kami sekeluarga,” katanya.

Bagi ramai penerima seperti Syed Syazwan dan Fatihah bantuan Sara bukan hanya sekadar duit poket ia menjadi talian harapan yang membantu keluarga untuk terus bertahan selepas raya, saat perbelanjaan kembali menuntut perhatian. – Bernama